

Jika gagal jangan salahkan orang lain

Dr. M bidas peniaga Melayu

B. M. 17 JUN 1979

SHAH ALAM; Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed membidas peniaga-peniaga Bumiputera yang semata-mata tahu menyalahkan pihak lain bila menemui kegagalan, tetapi tidak mahu mengkaji punca-puncanya.

Orang-orang ini hendaklah mengkaji sebab musabab kegagalannya bukan menyalahkan pihak lain, tegas beliau ketika berucap merasmikan Kursus Ekonomi dan Pelajaran anjuran Wanita UMNO Malaysia di ITM di sini hari ini.

Kata Timbalan Perdana Menteri punca kegagalan setengah peniaga Bumiputera adalah kerana kurang keupayaan dan kecekapan dalam bidang perniagaan.

Mereka jarang sekali mengambil inisiatif untuk meninjau kembali sebab-sebab projeknya gagal, tetapi mula menyalahkan orang lain.

Kerajaan, kata beliau, sedar kelemahan orang-orang Melayu dan telah menjalankan berbagai usaha mengatasinya.

Beliau menyebut Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), yang dikelolakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebagai contoh.

"Sambutan kaum Bumiputera sungguh dingin sekali walaupun pusat tersebut menyediakan kursus-kursus pengurusan perniagaan yang diiktiraf.

"Akhirnya, apabila sambutan Bumiputera dingin, kaum-kaum lain mengambil kesempatan mengisi kekosongan tersebut dan lihatlah siapa yang untung," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan orang Melayu hendaklah mengikis sikap modal untuk perniagaan tidak susah didapati kerana memang mudah mendapatkan tanda tangan dari menteri-menteri atau timbalan menteri kerana "mereka adalah orang-orang UMNO dan masa inilah mereka harus tunjukkan kuasa politik mereka."

"Memang betul tanpa modal per-

Oleh FAUZIAH SAMAD

niagaan tidak boleh dijalankan tetapi kita harus sedar modal saja tidak cukup untuk menjamin masa depan dan kejayaan sesuatu perniagaan," tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sedia menjalankan kursus-kursus perniagaan untuk ahli-ahli UMNO yang berminat di cawangan masing-masing.

Beliau juga membidas segolongan ahli politik yang berebut-rebut kuasa untuk mendapat kekayaan sekelip mata untuk mengisi kocek sendiri.

Kuasa politik, katanya, harus digunakan secara umum saja dan tidak sebagai jambatan melepaskan diri masing-masing.

Beliau menyatakan kesal terhadap sikap setengah pemimpin yang mempunyai matlamat terakhir mendapatkan kuasa semata-mata untuk menduduki kerusi kerajaan.

Apabila sudah tercapai matlamat mereka, maka mereka sibuk pula memikirkan cara bagaimana untuk mendapat kekayaan secara durian runtuh.

"Dengan adanya orang-orang seperti inilah maka banyak kerajaan telah jatuh di dunia ini."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata peranan UMNO dalam politik negara ini adalah untuk menentukan ahli-ahlinya dapat menikmati hak-hak mereka secara adil dan bukan untuk membuka jalan bagi setengah-setengah golongan memasukkan wang ringgit ke dalam kocek masing-masing dengan senang lenang seperti yang didakwa.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudiannya menasihatkan masyarakat Melayu yang ingin memulakan perniagaan supaya tidak segan-segan menemui pemimpin mereka ataupun pihak kerajaan untuk mendapatkan bantuan dan nasihat.

"Modal, peluang dan tempat memang ada tetapi janganlah terlampau ragam sangat walaupun sudah mendapat ketiga-tiganya."

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani dalam ucapan alu-aluannya berkata sokongan yang diberikan oleh Permodalan Malaysia Berhad yang menolong menjalankan kursus ini adalah disanjung tinggi kerana memang sudah sampai masanya kaum wanita terutamanya Wanita UMNO bergerak cergas dalam bidang ekonomi.